



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(Human Resources Development Berhad)
WISMA PSMB, JALAN BERINGIN
DAMANSARA HEIGHTS
50490, KUALA LUMPUR.

Tel : 03- 2096 4800

Fax : 03- 2096 4999

25 September 2003

PEKELILING MAJIKAN BIL. 7/2003

BILANGAN MINIMUM PELATIH BAGI KURSUS DALAMAN UNTUK MAJIKAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA

1. TUJUAN

Tujuan Pekeliling Majikan ini adalah untuk memaklumkan kepada majikan perusahaan kecil & sederhana (PKS) yang mempunyai pekerja seramai 199 orang dan ke bawah mengenai bilangan minimum pelatih bagi kursus dalaman.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) sering menerima maklum balas dari majikan-majikan PKS supaya penetapan bilangan minimum pelatih yang mengikuti latihan dalaman bagi majikan perusahaan kecil dan sederhana dikaji semula. Peraturan yang diguna pakai pada masa sekarang menetapkan bahawa bilangan minimum bagi pelatih yang mengikuti latihan dalaman adalah 10 orang pelatih bagi setiap kumpulan.

2.2 Majikan-majikan PKS merasakan penetapan bilangan minimum kepada 10 orang pelatih bagi setiap kumpulan bagi latihan dalaman agak membebankan memandangkan mereka mempunyai bilangan pekerja yang tidak ramai.

3. PERTIMBANGAN DAN KELULUSAN

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dengan ini menetapkan bilangan minimum pelatih bagi latihan dalaman untuk majikan perusahaan industri kecil dan sederhana adalah 5 orang. Tujuan penetapan bilangan minimum pelatih bagi majikan PKS adalah untuk membantu serta menggalakkan lagi majikan PKS menggunakan levi sepenuhnya dan lebih aktif mengadakan latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja-pekerja.

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Majikan Bil 7/2003 ini berkuatkuasa mulai 15 Oktober 2003.

Sekian, terima kasih

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"

"BERSAMAMU MEMBINA DAYA SAING NEGARA"

Yang ikhlas,

(MEJ(B) VAN WENG HONG)

Pengurus Besar
Bahagian Geran Latihan
b.p Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad